

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	16/5/2014



NAJIB Tun Razak bersama Mohd. Ali Rustam berbual mesra dengan penerima anugerah Usahawan Cemerlang Automotif 2014 pada majlis perasmian Forum Auto 2014 anjuran PUNB di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya, semalam. - UTUSAN/SAIFUL BAHARI ASHARI

UM - 16 / 5 / 2014

# Agenda bumiputera diteruskan - PM

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD  
pengarang@utusan.com.my

**PUTRAJAYA** 15 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan agenda bumiputera dalam pembangunan negara begitu penting dan akan diteruskan termasuk melalui inisiatif-inisiatif tambahan yang telah diperkenalkan bagi mengukuhkan lagi kedudukan ekonomi golongan itu di negara ini.

Perdana Menteri berkata, sejak berdekad-dekad lalu agenda pembangunan bumiputera telah dipergiat, diperkemas dan diperhalusi dari semasa ke semasa hingga tertubuhnya Ekuiti Nasional Bhd. (Ekuinas), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Tera-

ju) dan Majlis Ekonomi Bumiputera yang dipengeruskannya sendiri sebulan sekali.

Beliau berkata, inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan itu sesuai dengan corak dan rentak pembangunan negara terkini.

"Pada Majlis Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera yang lalu secara ringkasnya saya telah mengumumkan inisiatif-inisiatif Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera melalui lima teras utama iaitu mendaya modal insan; memantapkan pemilihan ekuiti korporat; memperkukuh pemilihan aset bukan kewangan.

"(Dua lagi) Memperhebat keusahawanan dan perniagaan serta memantapkan ekosistem penyampaian

perkhidmatan. Seajar dengan itu juga saya gembira apabila Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) terus berusaha memainkan peranannya dalam melaksanakan agenda ekonomi bumiputera," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Forum Auto 2014 anjuran PUNB di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi PUNB, Senator Datuk Seri Mohd. Ali Rustam dan Ketua Pegawai Eksekutif PUNB, Dzulkifli Fazdilah.

Najib berkata, di dalam pembentukan Laporan Program Transformasi Ekonomi 2013 yang disampaikan pada Isnin lalu antara penekanannya ialah

sasaran pendapatan per kapita rakyat Malaysia menjelang tahun 2020 sebanyak AS\$15,000 (RM48,000).

"Sasaran ini tidak mungkin tercapai jika sebilangan besar daripada masyarakat negara ini yang merupakan golongan bumiputera tercicir daripada penjana pendapatan ekonomi negara.

"Malah jika kita lihat dari aspek bantuan-bantuan sosio ekonomi yang diberikan kepada golongan 40 peratus yang berpendapatan rendah pula, kita akui bahawa majoritinya adalah golongan bumiputera," katanya.

Kesimpulannya ujar beliau, tidak boleh disangkal bahawa dari sudut mana sekalipun arus pembangunan ekonomi negara, pembabitan golon-

gan bumiputera perlu dipergiat dan dipertingkatkan.

Dalam pada itu, beliau berkata, pendekatan-pendekatan yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mempertingkatkan ekonomi bumiputera adalah pendekatan yang berbentuk inklusif memandangkan golongan itu merupakan golongan majoriti di negara ini.

"Tidak kiralah Melayu Jawa ke atau Melayu Minang atau India Muslim mahupun bumiputera Sabah dan Sarawak semuanya akan kita sokong dan kita bantu sehabis baik dalam usaha memastikan Malaysia menjadi negara mahu berpendapatan tinggi menjelang 2020 kelak," katanya.